

Headline	Rumah terbuka sempena pelancaran jualan Linea@Enstek		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	58	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,556
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,668



Rumah terbuka sempena pelancaran jualan Linea@Enstek

KUALA LUMPUR - TH Properties Sdn. Bhd. (TH Properties) menganjurkan majlis rumah terbuka pada 12 dan 13 April ini bersempena pelancaran jualan fasa baharu projek kediamannya, Linea@Enstek di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

Rumah contoh bagi projek Linea itu akan membolehkan bakal pembeli melihat sendiri rupa bentuk rumah terbaharu yang serba anggun ini.

Pengurus Kanan (pemasaran dan jualan) TH Properties, Mohd. Adlee Yusof berkata, Linea@Enstek terdiri daripada 94 unit rumah dengan ruang binaan luas antara 1,954 hingga 2,268 kaki persegi dan meliputi empat hingga lima bilik tidur yang selesa dan sesuai untuk keluarga yang semakin besar.

"Kediaman ini berlatarkan persekitaran hijau dan rimbun di samping menawarkan suasana damai.

"Ia juga menerapkan unsur kontemporari mesra alam, menyediakan persekitaran terbaik untuk seisi keluarga



LUKISAN artis menunjukkan projek kediaman Linea@Enstek di Bandar Enstek, Nilai yang bakal dibuka untuk tempahan.

berehat, bersantai dan melepaskan diri daripada hiruk-pikuk kesibukan di bandar," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Mohd. Adlee memberitahu, projek

yang terletak di atas tapak seluas 8.67 hektar itu dijangka siap menjelang Mac 2015.

Unit kediaman tersebut ditawarkan pada harga RM544,400.